



HUCKLE yang bergari di kandang saksi mendengar penghakiman yang dijatuhkan oleh Hakim Rook.

Penjara seumur hidup

■ Lelaki pedofilia mengaku salah 71 kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak Malaysia, Kemboja

“Antara kenyataan di dalam buku ini adalah kanak-kanak miskin lebih mudah diperdaya berbanding kanak-kanak Barat kelas pertengahan Hakim Rook”

71 >> Bilangan pertuduhan

22 >> Kesalahan rogol

Suraya Roslan dan Fardy Bunga am@hmetro.com.my

melakukan jenayah seksual terhadap kanak-kanak. “Kamu menyasarkan kanak-kanak miskin, malah ada antara mereka terlalu kecil. “Adalah sangat jarang ber-

laku untuk seorang hakim menjatuhkan hukuman terhadap pesalah jenayah seksual dengan banyak pertuduhan (91 pertuduhan),” katanya dalam penghakiman itu.

Huckle yang berada di kandang saksi dengan tangan bergari menghabiskan 488 hari di penjara dengan baki hukuman 23 tahun lagi. Antara pertuduhan itu termasuk 22 kesalahan merogol

kanak-kanak ketika dia bekerja sebagai sukarelawan untuk komuniti agama di Malay-

London eribu kematian lebih baik untuk

S lebih baik untuk kamu." Demikian jeritan seorang wanita selepas penjenayah pedofilia berbahaya Richard Huckle, 30, diiring keluar daripada Mahkamah Old Bailey, London, semalam.

Jeritan wanita itu kedengaran dari galeri awam selepas Hakim Peter Rook menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup kepada warga Britain itu atas kesalahan melakukan jenayah seksual terhadap 23 kanak-kanak Malaysia dan Kemboja berusia enam bulan hingga 11 tahun hampir 10 tahun lalu.

Huckle mengaku bersalah atas kesalahan itu yang menyasarkan kanak-kanak miskin dan bakal berdepan hukuman penjara minimum 25 tahun.

Dalam penghakiman itu, Rook membuat keputusan penjara seumur hidup terhadap 22 pertuduhan serentak selepas tertuduh mengaku bersalah atas 71 kesalahan



SEORANG hadirin perbicaraan melepaskan geram ke arah Huckle dengan menjerit 'Seribu kematian lebih baik untuk kamu.'

sia.

Selain itu, Huckle turut didapati memuat naik gambar tidak senonoh kanak-kanak lelaki dan perempuan di laman web True Love Zone (TLZ) dengan mangsa paling muda dipercayai berusia enam bulan.

Dalam penghakiman itu juga, Rook berkata, dia ditunjukkan sebahagian rakan video perlakuan tertuduh terhadap mangsanya dan percaya ia menyebabkan kesakitan serta trauma.

Mahkamah turut didedahkan bahawa buku ditulis tertuduh bertujuan mendapatkan keuntungan.

"Antara kenyataan di dalam buku ini adalah kanak-kanak miskin lebih mudah diperdaya berbanding kanak-kanak Barat kelas pertengahan," katanya.

Tertuduh yang juga seorang jurugambar dari Ashford Kent sebelum ini didakwa atas 71 daripada 91 pertuduhan serangan seksual dilakukannya terhadap

kanak-kanak berumur enam bulan hingga 12 tahun.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya sejak 2006 hingga 2014 ke atas 23 kanak-kanak daripada keluarga miskin ketika dia berkhidmat sebagai guru di Kuala Lumpur walaupun pasukan penyiasat mendakwa Huckle mencabul kira-kira 200 mangsa.

Pertuduhan itu termasuk 14 dakwaan rogol dan 31 serangan seksual.

Selain memuat naik gambar dan video dirinya bersama kanak-kanak dicabulnya di Internet, Huckle turut membukukan kisah serangan seksual membabitkannya dengan tajuk 'Paedophiles And Poverty: Child Lover Guide'.

Huckle ditahan di Lapangan Terbang Gatwick di London, Disember 2014 ketika dia pulang ke United Kingdom dari Malaysia untuk meraikan Krismas.

Kuala Lumpur: Kebanyakan penjenayah pedofilia mempunyai rupa paras menarik, selain bermulut manis bagi memudahkan mereka mendekati kanak-kanak.

Pakar Kriminologi Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia Fakultas Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dr Mohammad Rahim Kamaluddin berkata, pedofilia merujuk kepada lelaki mempunyai masalah personaliti yang cenderung mendapatkan kehendak seksual melakukan hubungan seks bersama kanak-kanak tidak matang.

Penjenayah pedofilia 'jual' wajah kacau

"Ibu bapa kena tahu tiada ciri khas pedofilia, tetapi kebanyakan penjenayah ini sering tampil dengan sifat menawan, baik hati, ceria dan pandai berkomunikasi supaya kanak-kanak tidak takut dengan mereka.

"Apa yang saya perhatikan kini, kanak-kanak sering dimomokkan ibu bapa kebanyakan penjenayah mempunyai muka ganas, tetapi trend sekarang sudah berubah kerana rupa paras tidak lagi boleh diper-

cayai," katanya di sini, semalam.

Dr Mohammad Rahim berkata, ibu bapa perlu mengetahui simptom anak selepas menjadi mangsa pedofilia iaitu sering murung, senyap dan takut melihat lelaki.

"Simptom ini mudah dikesan kerana kanak-kanak bersifat periang, tetapi jika melihat mereka murung dan memencilkan diri ibu bapa perlu segera bertindak.

"Malah, saya berharap ibu bapa meluangkan masa lima minit sehari bertanyakan

pelbagai soalan antaranya dengan siapa berjumpa, bercakap dan butiran perbualan sebagai langkah awal menjadi mangsa pedofilia," katanya.

Ditanya kenapa Malaysia menjadi tumpuan warga Britain, Richard Huckle, Dr Mohammad Rahim membuat rumusan lelaki itu bijak kerana dia menyasarkan kanak-kanak miskin, selain menggunakan pendekatan agama untuk menarik perhatian setempat.